

**SOALAN LAZIM BERKAITAN ISU CUKAI ANTARABANGSA
AKIBAT SEKATAN PERJALANAN COVID-19**

SOALAN LAZIM

1. Soalan lazim ini merujuk kepada sekatan perjalanan yang dikenakan akibat penularan wabak COVID-19 di serata dunia. Maklumbalas ini merupakan langkah yang diambil khusus kepada situasi semasa COVID-19 sahaja. Maklumbalas tambahan dan perubahan penetapan akan dikeluarkan sekiranya diperlukan bergantung kepada perkembangan COVID-19.
2. Dokumen dan maklumat yang bersesuaian perlu disimpan dan dikemukakan apabila diminta oleh LHDNM. Contoh: dokumen perjalanan, garis panduan sekatan perjalanan oleh pihak berkuasa tempatan atau luar negara dan seumpamanya yang boleh membuktikan ketiadaan atau kehadiran sementara di Malaysia adalah disebabkan sekatan perjalanan COVID-19, dokumen yang dapat membuktikan usaha untuk meninggalkan atau kembali ke Malaysia (maklumbalas Jabatan Imigresen Malaysia/syarikat penerbangan) dalam tempoh perintah kawalan pergerakan.
3. Syarikat perlu menyimpan dokumen, rekod dan maklumat yang bersesuaian dan mengemukakannya apabila diminta oleh LHDNM. Contoh: minit mesyuarat yang menyatakan alasan pengarah menghadiri mesyuarat lembaga pengarah dari lokasi tertentu, dokumen perjalanan, garis panduan sekatan perjalanan pihak berkuasa tempatan atau luar negara dan seumpamanya.
4. Tempoh perintah kawalan pergerakan adalah dari 18 Mac 2020 sebagaimana yang ditetapkan dan dilanjutkan melalui Perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 11 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] yang diwartakan dari semasa ke semasa.
5. Permohonan layanan pencukaian berasaskan kepada perkara yang dinyatakan dalam soalan lazim ini perlu dirujuk kepada cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai. Sekiranya tiada fail cukai pendapatan yang didaftarkan, permohonan hendaklah dirujuk ke Cawangan Tidak Bermastautin. Setiap permohonan layanan pencukaian akan dipertimbangkan mengikut merit kes. Pengesahan percukaian daripada pihak berkuasa cukai negara luar yang terlibat boleh diminta sekiranya terdapat keperluan.

A. TARAF MASTAUTIN

Bil	Soalan	Maklumbalas
1.	Ketika ini saya tidak berada di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah ketiadaan saya ini akan menjejaskan taraf mastautin saya di Malaysia?	Tidak menjejaskan taraf mastautin di Malaysia. Sekiranya anda merupakan individu yang tidak berada di Malaysia disebabkan sekatan perjalanan COVID-19, tempoh ketiadaan sementara itu akan diambilkira untuk menjadi sebahagian dari tempoh atau tempoh-tempoh anda berada di Malaysia bagi tujuan penentuan taraf mastautin.

Bil	Soalan	Maklumbalas
2.	Saya bukan pemastautin Malaysia. Ketika ini saya berada di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah kehadiran sementara saya di negara ini akan memberi kesan kepada taraf mastautin saya di Malaysia?	<p>Sekiranya anda merupakan individu yang berada di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19, tempoh kehadiran sementara di Malaysia kerana sekatan perjalanan COVID-19 tersebut tidak akan diambilkira untuk menjadi sebahagian dari tempoh atau tempoh-tempoh berada di Malaysia bagi tujuan penentuan taraf mastautin.</p> <p>Nota:</p> <p>“tempoh kehadiran sementara di Malaysia kerana sekatan perjalanan COVID-19” adalah merujuk kepada tempoh perintah kawalan pergerakan di Malaysia.</p>
3.	Syarikat saya tidak dapat mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah ia akan memberi kesan kepada taraf mastautin syarikat di Malaysia?	<p>Sekiranya syarikat anda tidak dapat mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19, LHDNM bersedia untuk menganggap syarikat merupakan pemastautin Malaysia sekiranya syarikat memenuhi syarat-syarat berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> syarikat merupakan pemastautin cukai di Malaysia pada tahun taksiran yang sebelumnya; dan pengarah syarikat perlu menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan di luar Malaysia (sama ada mesyuarat fizikal atau secara elektronik) disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19.
4.	Syarikat saya mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Syarikat saya bukan pemastautin di Malaysia serta tidak berhasrat untuk memperolehi taraf mastautin Malaysia.	<p>LHDNM bersedia untuk menganggap bahawa syarikat anda merupakan bukan pemastautin Malaysia sekiranya syarikat perlu mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah di Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19.</p>

B. ESTABLISHMEN TETAP

Bil	Soalan	Maklumbalas
5.	Syarikat saya bukan pemastautin di Malaysia. Adakah kehadiran sementara pekerja saya di Malaysia disebabkan oleh sekatan	<p>LHDNM akan mempertimbangkan bahawa kehadiran sementara pekerja syarikat di negara ini tidak akan mewujudkan establishmen tetap di Malaysia, dengan syarat kriteria berikut dipenuhi:</p>

Bil	Soalan	Maklumbalas
	<p>perjalanan COVID-19 akan mewujudkan establismen tetap kepada syarikat saya di Malaysia?</p>	<p>a. syarikat anda tidak mempunyai establismen tetap di Malaysia sebelum wujudnya sekatan perjalanan COVID-19;</p> <p>b. tiada sebarang perubahan kepada keadaan ekonomi syarikat;</p> <p>c. tempoh kehadiran sementara pekerja syarikat anda di Malaysia adalah semata-mata disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19; dan</p> <p>d. tugas yang dilakukan oleh pekerja dalam tempoh kehadiran sementara mereka tidak akan dilakukan di Malaysia sekiranya bukan kerana sekatan perjalanan COVID-19.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Keadaan ekonomi merujuk kepada aktiviti utama serta model perniagaan syarikat; sifat perniagaan serta pengendalian perniagaan di Malaysia dan tempat lain; serta lokasi di mana syarikat biasa beroperasi. 2. Syarikat perlu menyimpan rekod serta dokumen bersesuaian. Contoh: maklumat passport pekerja, jadual perjalanan, arahan tugas kepada pekerja dan apa-apa maklumat yang membuktikan pematuhan kepada kriteria (a) sehingga (d), serta menyediakan maklumat bersesuaian kepada pihak LHDNM sekiranya diminta. 3. “tempoh kehadiran sementara pekerja syarikat anda di Malaysia adalah semata-mata disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19” adalah merujuk kepada tempoh perintah kawalan pergerakan di Malaysia. 4. Situasi di dalam soalan lazim ini juga terpakai kepada semua jenis perusahaan, termasuk perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad. 5. Situasi di dalam soalan lazim ini juga terpakai ke atas syarikat yang bermastautin di negara yang tidak mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali (PPPK) dengan Malaysia. Di dalam situasi ini, syarikat dianggap tidak mempunyai tempat perniagaan di Malaysia.

C. PENDAPATAN PENGGAJIAN MERENTASI SEMPADAN

Bil	Soalan	Maklumbalas
6.	<p>Sebelum perintah kawalan pergerakan (PKP), saya berulang-alik dari Johor Bahru ke tempat kerja di Singapura. Sepanjang tempoh PKP, saya bekerja sementara dari rumah di Johor Bahru. Adakah pendapatan saya ini akan dicukai di Malaysia?</p>	<p>Sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. tiada perubahan dalam terma kontrak penggajian di luar negara sebelum dan selepas kepulangan ke Malaysia; dan b. ianya merupakan aturan kerja sementara disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. <p>LHDNM bersedia menganggap pendapatan penggajian anda bukan terbit daripada Malaysia kerana pelaksanaan penggajian di Malaysia adalah disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19.</p> <p>Jika semua syarat-syarat dipatuhi, pendapatan penggajian anda bagi tempoh pekerjaan sementara di Malaysia tidak akan dicukai di Malaysia.</p> <p>Peraturan percukaian biasa akan terpakai bagi menentukan pengenaan cukai atas pendapatan penggajian bagi kerja yang dijalankan di Malaysia, sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi.</p> <p>Senario ini juga terpakai di dalam situasi penggajian merentas sempadan yang lain.</p>
7.	<p>Saya sedang bekerja sementara dari luar negara disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah pendapatan saya akan dikenakan cukai di negara tersebut?</p>	<p>Jika kebiasaannya anda menjalankan penggajian di Malaysia dan terpaksa bekerja sementara di luar Malaysia disebabkan sekatan perjalanan COVID-19, anda dianggap menjalankan penggajian di Malaysia serta pendapatan yang diterima dianggap terbit dari Malaysia. Oleh itu pendapatan tersebut akan dicukai di Malaysia. Anda berkemungkinan dikenakan cukai di negara yang anda bekerja sementara sekiranya negara berkenaan tidak mempunyai sebarang langkah-langkah percukaian khas bagi menangani wabak COVID-19.</p> <p>Sekiranya anda bekerja di negara yang mempunyai perjanjian percukaian dengan Malaysia, anda tidak akan dikenakan cukai sekiranya anda berada di negara berkenaan kurang daripada 183 hari.</p> <p>Sekiranya anda berada di negara yang tidak mempunyai perjanjian percukaian dengan Malaysia, anda berkemungkinan akan dikenakan cukai. Dalam kes tersebut, anda boleh memohon</p>

Bil	Soalan	Maklumbalas
		<p>untuk mendapatkan kredit cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.</p>
8.	<p>Saya merupakan seorang individu bukan pemastautin. Saya tiba di Malaysia untuk tugas syarikat sebelum sekatan perjalanan kerana COVID-19 dilaksanakan. Saya kini sedang bekerja dari Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah saya dianggap menjalankan penggajian di Malaysia?</p>	<p>Jika syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. tempoh kehadiran sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19; b. kerja yang anda lakukan semasa tempoh kehadiran sementara adalah tidak berkaitan dengan tugas anda di Malaysia dan tidak sepatutnya dijalankan di Malaysia jika bukan disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19; c. pekerjaan yang sama dengan majikan luar negara yang sama sebelum sekatan perjalanan COVID-19; dan d. anda meninggalkan Malaysia sebaik sahaja sekatan perjalanan kerana COVID-19 tamat di Malaysia. <p>LHDNM bersedia menganggap bahawa anda tidak menjalankan penggajian di Malaysia dalam tempoh kehadiran sementara disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19.</p> <p>Nota:</p> <p>“tempoh kehadiran sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19” adalah merujuk kepada tempoh perintah kawalan pergerakan di Malaysia.</p>
9.	<p>Saya merupakan seorang individu bukan pemastautin. Saya tiba di Malaysia untuk bercuti sebelum sekatan perjalanan kerana COVID-19 dilaksanakan. Saya kini sedang bekerja dari Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Adakah saya dianggap menjalankan penggajian di Malaysia?</p>	<p>Jika syarat-syarat berikut dipenuhi:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. tempoh kehadiran sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19; b. kerja yang anda lakukan semasa tempoh kehadiran sementara sepatutnya dijalankan di luar Malaysia jika bukan disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19; c. pekerjaan yang sama dengan majikan luar negara yang sama sebelum sekatan perjalanan COVID-19; dan d. anda meninggalkan Malaysia sebaik sahaja sekatan perjalanan kerana COVID-19 tamat di Malaysia. <p>LHDNM bersedia menganggap bahawa anda tidak menjalankan penggajian di Malaysia dalam tempoh kehadiran sementara disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19.</p>

Bil	Soalan	Maklumbalas
		<p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Anda perlu menyimpan rekod serta dokumen bersesuaian. Contoh: maklumat pasport, jadual perjalanan, arahan tugas daripada majikan dan apa-apa maklumat yang membuktikan pematuhan kepada kriteria (a) sehingga (d), serta menyediakan maklumat bersesuaian kepada pihak LHDNM sekiranya diminta. 2. “tempoh kehadiran sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19” adalah merujuk kepada tempoh perintah kawalan pergerakan di Malaysia.
10.	<p>Saya merupakan seorang individu bukan pemastautin dan ditawarkan bekerja di Malaysia dalam tempoh kawalan pergerakan. Saya tidak dapat hadir ke Malaysia untuk bekerja atas faktor sekatan perjalanan COVID-19 dilaksanakan. Saya kini bekerja dari luar negara. Adakah saya dianggap menjalankan penggajian di Malaysia?</p>	<p>LHDNM menganggap penggajian tersebut tidak dijalankan di Malaysia kerana tidak wujud isu “tempoh ketiadaan sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19”. Oleh yang demikian, pendapatan penggajian tersebut boleh dikenakan cukai di bawah undang-undang percukaian di negara tempat pekerjaan tersebut dijalankan.</p>
11.	<p>Saya merupakan seorang individu bukan pemastautin. Saya tiba di Malaysia untuk bercuti sebelum sekatan perjalanan kerana COVID-19 dilaksanakan. Saya bekerja dari Malaysia disebabkan oleh sekatan perjalanan COVID-19. Sebelum tempoh kawalan pergerakan tamat, saya telah menamatkan penggajian saya dengan majikan asing dan menerima tawaran bekerja dengan syarikat di Malaysia. Bagaimanakah layanan cukai ke atas pendapatan penggajian saya dengan majikan asing?</p>	<p>Anda tidak pulang ke negara asal dan dianggap telah hadir di Malaysia secara kekal. Oleh yang demikian, LHDNM menganggap penggajian tersebut dijalankan di Malaysia kerana tidak wujud isu “tempoh kehadiran sementara adalah kerana sekatan perjalanan COVID-19”. Pendapatan penggajian dengan majikan asing dianggap dijalankan di Malaysia dan akan dicukaikan mengikut undang-undang percukaian Malaysia di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.</p>